

KI 4 PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN MESRA KOMUNITI

*(Community Friendly Planning and
Development)*

Perancangan dan pembangunan yang mesra komuniti menekankan kepada penglibatan komuniti di dalam proses perancangan dan pembangunan.

Keberkesanan penglibatan awam dan komuniti telah terbukti dalam menyelesaikan isu-isu lokaliti, mencetuskan idea yang berinovasi dan membawa sinergi perubahan kepada perancangan dan pelaksanaan rancangan pembangunan.

Sehubungan itu, RFN4 meneruskan aspek penglibatan komuniti sebagai salah satu hala tuju strategik utama dalam Teras 3.

Peningkatan penglibatan awam merupakan petunjuk bagi komitmen kerajaan dalam memastikan perancangan dan pembangunan memenuhi keperluan masyarakat. Hal ini juga menunjukkan tahap kesedaran masyarakat yang semakin tinggi dalam menyampaikan pendapat dan kehendak mereka secara lebih kolektif dan teratur.


Selain itu, penglibatan awam juga menunjukkan kesanggupan individu dalam menjalankan tanggungjawab sosial serta saling bekerjasama untuk memastikan persekitaran kehidupan adalah kondusif dan selesa untuk didiami.

Menerusi Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang ke-17 iaitu '*Partnership for The Goals*' telah memberi penekanan terhadap kepentingan kerjasama dalam mencapai matlamat yang ditetapkan.

Dalam konteks perancangan dan pembangunan mesra komuniti, kepelbagaian kaedah kolaborasi ini tidak hanya terhad kepada individu, malah juga kepada persatuan serta badan-badan bukan kerajaan yang mempunyai penglibatan di peringkat perancangan, operasi dan pengurusan.

Keterlibatan dan kolaborasi komuniti merupakan terjemahan nilai demokrasi dalam setiap aktiviti dan proses pembangunan yang mana dapat mewujudkan sifat kepunyaan masyarakat terhadap kawasan setempat.

Kepelbagaian kaedah kolaborasi sama ada secara individu mahupun secara bersama iaitu melalui persatuan penduduk, badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya telah mewujudkan kerjasama yang erat dengan tadbir urus di peringkat tempatan dalam melaksanakan sepenuhnya aspirasi pembangunan mesra komuniti seperti yang telah digariskan.



HALA TUJU STRATEGIK KI 4

PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN MESRA KOMUNITI

KI 4.1

Menerapkan Kolaborasi dan Perkongsian Strategik dalam Pembangunan

**STRATEGI
KI 4.1**

**MENERAPKAN KOLABORASI DAN PERKONGSIAN STRATEGIK
DALAM PEMBANGUNAN**

PERKAITAN
SDGs

>SDG9 >SDG11
>SDG16 >SDG17

Globalisasi semasa menyaksikan wujudnya keperluan terhadap kerjasama yang erat di antara pemain industri serta sektor swasta dan orang awam dalam menghadapi arus perubahan teknologi dan kemajuan ekonomi demi meraih manfaat bersama.

Kolaborasi dan perkongsian strategik dalam perancangan dan pembangunan merupakan antara kaedah memperkasa (*empowering*) sumber sedia ada bagi manfaat pembangunan.

Skop penglibatan awam perlu dipertingkat dan diperluas dalam proses perancangan. Sesi perbincangan kumpulan berkepentingan perlu diperbanyakkan meliputi proses kebenaran merancang bagi projek-projek pembangunan bandar, pembangunan koridor ekonomi, pembangunan semula sesuatu kawasan dan tidak hanya tertumpu kepada projek infrastruktur mega seperti MRT dan LRT.

Kini, kolaborasi dalam kalangan masyarakat telah berkembang sebagai salah satu kaedah dalam proses perancangan dan pembangunan. Hal ini kerana ia merupakan elemen penting dalam mencapai pembangunan mampan dan memperkasakan peranan orang awam dalam pembangunan.

Strategi ini juga menekankan penglibatan penduduk melalui inisiatif dan ruang untuk membuat keputusan bagi memupuk sifat tanggungjawab dalam pembangunan, perlindungan keselamatan dan pemeliharaan kejiranan dan harta awam secara bersama.

Kepentingan kolaborasi telah diakui sepenuhnya oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan kebanyakan institusi pembangunan antarabangsa yang lain dalam menjadikan kolaborasi dan perkongsian strategik sebagai salah satu strategi untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) ke-17.

Selain itu, pelbagai pihak berkepentingan terutamanya sektor korporat dan pemain industri dilihat mempunyai peranan tersendiri dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan juga persekitaran negara melalui penerapan kolaborasi dan perkongsian strategik.



Program Bersama Masyarakat Orang Asli Sg Peroh, Johor

TINDAKAN KI 4.1A

Memperkasakan peranan dan penglibatan orang awam

Seiring dengan usaha pembangunan mampan yang dilaksanakan oleh kerajaan, kesedaran dan kepekaan orang ramai terhadap keperluan kepada kualiti hidup yang lebih baik juga semakin meningkat.

Peranan masyarakat dalam proses perancangan masa kini sangat diperlukan bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan dapat memberi keselesaan dan kualiti hidup yang diperlukan oleh setiap lapisan masyarakat.

Penglibatan awam dicadangkan untuk diperluas meliputi projek-projek pembangunan bandar mega, pembangunan semula bandar, projek penambakan laut dan projek pengangkutan awam.

Selain itu, penglibatan awam juga perlu dipertingkatkan melalui lebih banyak sesi perbincangan kumpulan berkepentingan, forum penduduk, kajian persepsi penduduk bagi mendapat maklum balas mengenai sesuatu perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dan juga perkhidmatan.

Oleh yang demikian, langkah-langkah yang perlu diambil adalah:

1. Mempertingkatkan program libat urus (*engagement*) dalam proses perancangan di peringkat negeri dan tempatan melalui penyediaan rancangan struktur, rancangan tempatan, rancangan kawasan khas serta kebenaran merancang.
2. Menambahbaik dan memperkasa program libat urus di antara PBT dan komuniti dalam pembangunan projek komuniti.
3. Membudayakan konsep kepunyaan (*sense of belonging*) kepada komuniti dan masyarakat.
4. Memperkukuh program-program komuniti ke arah penyelarasan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) selaras dengan Dasar Komuniti Negara.
5. Mempelbagaikan medium atau platform bagi menggalakkan penglibatan orang awam secara langsung dalam perancangan pembangunan.



Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang ke-17 berkaitan dengan perkongsian pelbagai pihak untuk pembangunan yang lestari.

Sumber:
sdgs.un.org/goals

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- PLANMalaysia
- PLANMalaysia@Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Sokongan

- Badan Bukan Kerajaan
- Sektor Swasta

TINDAKAN KI 4.1B

Menggalakkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan

Kerjasama strategik yang dijalinan di antara pihak kerajaan mahupun swasta dengan kelompok masyarakat dapat memastikan pihak luar cakna dengan keadaan persekitaran komuniti.

Sektor korporat boleh memainkan peranan dalam pelbagai bidang merangkumi aspek pendidikan, kesihatan, alam sekitar dan ekonomi bagi bersama-sama membangunkan kawasan setempat.

Contoh inisiatif terbaik yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 adalah projek RIVERDALE iaitu kolaborasi antara Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan Kolej Rahman Putra, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Projek ini bertujuan mendidik komuniti setempat menjaga Sungai Skudai bermula daripada rumah.

Menerusi kolaborasi tersebut, tenaga pengajar serta kemudahan-kemudahan asas bersesuaian disediakan dalam memberikan ilmu terhadap penjagaan sungai khususnya kepada komuniti di sekitar Sungai Skudai.

Projek berkenaan juga telah dirancang untuk dilaksanakan bagi jangka masa yang panjang supaya dapat diteruskan oleh semua lapisan masyarakat demi kepentingan generasi akan datang. Projek ini merupakan contoh terbaik dalam menterjemahkan tindakan ini.

Sehubungan itu, terdapat beberapa langkah lain yang boleh menyokong tindakan ini iaitu :

1. Menggalakkan kerjasama dan kolaborasi antara badan bukan kerajaan dan swasta dengan agensi kerajaan dalam program kemasyarakatan atau alam sekitar.
2. Mempelbagaikan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk manfaat masyarakat secara lebih menyeluruh.
3. Menekankan perkongsian sumber dalam pembangunan komuniti.
4. Menambahbaik pemberian insentif sedia ada bagi syarikat korporat yang banyak menjalankan program CSR.



Program-program bersama komuniti setempat yang telah dilaksanakan di seluruh negara

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Agensi Persekutuan dan Negeri
- Badan Bukan Kerajaan
- Sektor Swasta

Agensi Sokongan

- Pihak Berkuasa Tempatan



Focus Group Discussion (FGD) Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035